

# GRADUAN® ASPIRE platform strategik

Oleh Siti Syahirah Suhaimi  
bhvarsity@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**ameran Kerjaya dan Pascasiswazah Graduan Aspire 2016 (GRADUAN® ASPIRE) bakal menampilkan penyertaan lebih 150 organisasi dan institusi dengan pengisian aktiviti menarik menanti pengunjung.

Antaranya Maybank, Celcom Axiata, Kumpulan UEM, Penerbangan Malaysia (MAS), Dell, ExxonMobil, Nestle, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Taylor's University, Universiti Multimedia, **Universiti Kebangsaan Malaysia** dan Universiti Malaya.

Program memasuki tahun keenam anjuran GRADUAN® itu akan dibuka kepada orang ramai dari jam 11 pagi hingga 6 petang, 28 dan 29 Mei depan, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Pameran diadakan sejak tahun 2011 itu membolehkan pencari kerja menemui peluang kerjaya dan memberikan

## info

### GRADUAN® ASPIRE 2016

→ Berlangsung di KLCC  
→ 28 - 29 Mei 2016  
→ Jam 11 pagi - 6 petang

tanggapan pertama yang bagus kepada golongan majikan, manakala pihak organisasi pula dapat mengenal pasti calon memenuhi keperluan jawatan ditawarkan.

### Tepati kehendak perubahan

Selain boleh mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai perkembangan dunia kerjaya di Malaysia, pengunjung turut disajikan pelbagai pilihan melanjutkan pelajaran ke peringkat pascasiswazah di institusi pengajian tinggi yang mengambil bahagian.

Aktiviti disediakan termasuklah Persidangan ASPIRE 500, ASPIRE+ Networking Luncheon, klinik dan bengkel kerjaya, temu duga secara langsung, pertandingan

dan cabutan bertuah.

Pengarah Urusan GRADUAN®, Elia Talib, berkata GRADUAN® ASPIRE dengan konsep interaktif tinggi adalah platform strategik dan berkesan yang menepati kehendak perubahan dalam pasaran semasa.

"Pengunjung akan didedahkan kepada tuntutan sebenar dunia kerjaya, sekali gus mengambil langkah diperlukan untuk memperbaiki kebolehpasaran mereka.

"Majikan pula berpeluang memahami pendapat pengunjung dari pelbagai latar belakang terhadap organisasi masing-masing.

### Peneraju industri

"Setiap tahun, GRADUAN® berusaha memasukkan elemen baharu yang relevan dengan graduan baru menamatkan pengajian dan pencari kerja profesional," katanya.

Sesi ASPIRE® tahun ini bakal menyaksikan rangkaian seramai 200 pekerja profesional (minimum tiga tahun pengalaman bekerja) dijalinkan dengan lebih 30 ketua pegawai eksekutif (CEO) terkemu-



Antara pengisian utama GRADUAN® ASPIRE.



Pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung.

ka dan pengurusan kanan korporat.

Antara peneraju industri yang akan menghadiri acara eksklusif itu ialah CEO Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes; Rakan Kongsi Urusan PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia, Sridha-

ran Nair; CEO AirAsia X, Benyamin Ismail, dan CEO HSBC Bank Malaysia Bhd, Mukhtar Hussain. Persidangan ASPIRE 500 pula bakal menyaksikan 500 bakat dari universiti tempatan dan luar negara serta kolej meraih inspirasi

daripada ikon terkemuka Malaysia yang berkongsi kepakaran dan pengalaman masing-masing.

Untuk maklumat lanjut dan prapendaftaran, orang ramai boleh melayari laman web: <http://graduan.com/aspire>.



Persidangan ASPIRE 500 menampilkan ikon terkemuka.



GRADUAN® ASPIRE menepati kehendak perubahan dalam pasaran semasa.